

31/10/2003

Wartawan kena tahu pantang Dr Mahathir

By Kadir Dikoh

SELEPAS hari ini (31 Oktober), media massa tempatan akan `kehilangan' seorang pemimpin agung yang sentiasa mereka buru dan mendapat berita yang dicari. Persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah pasti dirasai oleh wartawan.

Di kalangan wartawan, Perdana Menteri adalah sumber berita dan apa saja yang keluar daripada mulutnya, sudah pasti mempunyai nilai berita bagi mereka termasuk wakil media asing.

Bayangkan, satu patah perkataan yang diluahkan Dr Mahathir, boleh menjadi berita terutama mengenai isu ekonomi negara atau politik.

Tetapi wakil media terutama wartawan asing haruslah berhati-hati apabila bertanya soalan kepada Dr Mahathir yang memang dikenali amat tajam pemikirannya dan tahu ke mana arah tuju bentuk soalan yang dikemukakan.

Jika soalan itu berbentuk provokasi, Dr Mahathir akan menyindir balik dengan caranya yang tersendiri, bersahaja dan penuh makna. Di situlah menyerlah kecerdikannya termasuk ketika berdialog dengan orang ramai pada majlis tertentu.

Amat pantang bagi beliau jika wartawan terus bertanya isu semasa yang tiada kaitan dengan majlis yang dihadapinya. Memang menjadi kelaziman bagi wartawan untuk bertanya soalan "PR" berkaitan sesuatu majlis itu sebelum menyusul dengan soalan isu-isu semasa.

"Saya berada di sini untuk majlis ini. Kalau awak tak berminat dengan perkara ini, saya boleh batalkan sidang akhbar ini bila-bila masa," kata Dr Mahathir dalam satu kejadian terbaru apabila kecewa ketika wartawan televisyen Singapura terus bertanya mengenai isu keganasan.

Peristiwa itu berlaku sebaik saja sidang akhbar dimulakan selepas Perdana Menteri diberi taklimat tertutup mengenai program angkasa lepas di Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB), di Taman Teknologi Malaysia dekat Kuala Lumpur pada 7 Ogos lalu.

Wartawan asing itu meminta ulasan Dr Mahathir mengenai kejadian letupan bom di Hotel JW Marriott di Jakarta yang mengorbankan 14 orang manakala kira-kira 150 lagi cedera, termasuk tiga rakyat Malaysia, dua hari sebelum itu.

Nasib baik rakan wartawan tempatan cepat-cepat menceleh bertanya soalan relevan berkaitan dengan program angkasa lepas, menyebabkan "mood" beliau kembali ceria dan menghuraikan isu itu dengan panjang lebar.

Setelah beberapa soalan berkaitan diajukan, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih dan mula bangun untuk meninggalkan sidang media itu, tetapi penulis cepat-cepat memanggil namanya:

"Datuk Seri, ni nak tanya (buat telinga tebal dengan cuba nasib sekali lagi ) isu keganasan terbaru di Jakarta." Dr Mahathir menoleh ke arah penulis, lalu terus duduk semula untuk menjawab soalan itu dan beberapa soalan susulan kemudian, dengan senang hati.

Hasilnya hampir semua akhbar tempatan keesokan hari menggunakan berita itu sebagai berita utama di muka hadapan, masing-masing. Bagi wartawan yang kerap membuat liputan acara Perdana Menteri, akan tahu bagaimana "mood"nya dan bila masa sesuai untuk bertanya sesuatu isu semasa.

Nasib pada hari itu agak baik kerana Dr Mahathir sanggup melayan pertanyaan kerana kebiasaannya, jawapan beliau "kurang menyengat" apabila sudah menanggalkan mikrofon pada bajunya.

"Agaknya, PM kenal muka awak. Kalau tidak, kita tak ada cerita bagus

hari ini," usik rakan wartawan.

Ungkapan lazim yang pertama disebut Dr Mahathir sebelum memulakan sesuatu sidang akhbar ialah "ahh apa nak tanya?" dan apabila wartawan senyap, beliau akan menyampuk "tak ada soalan?, baiklah terima kasih", menyebabkan wartawan mula menghujani pelbagai soalan.

"Jarang sekali Dr Mahathir tidak menjawab soalan. Apa saja isu di bawah bulan dan bintang, segala-galanya akan dijawab dengan bijak. Amat jarang sekali mendengar ungkapan "no comment" daripada Perdana Menteri," kata seorang rakan wartawan veteran.

Dr Mahathir pernah menegur seorang juru kamera sebuah stesen televisyen tempatan yang sedang memasang mikrofon pada bajunya apabila terhidu bau rokok dengan kata-kata berbunyi: "awak hisap rokok ye?", menyebabkan krew itu tersipu-sipu.

Dr Mahathir memang tidak menghisap rokok dan beliau pernah memberitahu satu majlis dialog dengan pelajar Malaysia ketika lawatan ke Seoul, Korea Selatan pada Mei tahun lalu bahawa beliau cuma pernah sekali cuba hisap rokok "dan tak sedap pun".

Jawapan itu adalah sebagai menjawab pertanyaan seorang pelajar mengenai rahsia beliau kelihatan jauh lebih muda daripada usia sebenar.

"Saya tahu ramai orang ingin tahu pil apa yang saya makan. Saya makan pil vitamin jika itulah orang nak tahu. Tetapi lebih daripada itu ialah cara hidup yang sihat. Saya tak hisap rokok.

"Saya tidak pernah suka rokok walaupun pada zaman muda saya dulu orang asyik hisap (jenama) `Craven A' dan `Rough Rider'. Merokok bukan saja tidak sihat malah boleh menyebabkan paru-paru rosak, tetapi ramai juga hisap rokok tanpa menghiraukan kesannya.

"Dalam Kabinet saya, ada yang suka hisap rokok. Mereka ini mengambil masa lama dalam tandas ketika pertengahan mesyuarat kabinet kerana menghisap rokok dan mereka fikir saya tidak tahu," katanya menyebabkan hadirin tak kering gusi.

Di luar negara sama ada ketika lawatan atau menghadiri persidangan antarabangsa, Dr Mahathir memang menjadi buruan wartawan asing.

Ketika menghadiri Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Jakarta pada November 1994, Dr Mahathir dikerumuni oleh ramai wartawan asing, termasuk wartawan Barat ketika sedang berada di sebuah restoran di Hotel Shangri-La, .

Keadaan berebut-rebut itu menyebabkan ramai wartawan melanggar hadirin yang masih menikmati jamuan tengah hari dan beberapa pasu bunga yang diletakkan berdekatan pecah.

Malah sebaik tiba untuk persidangan itu pun, Dr Mahathir menjadi tumpuan utama wartawan Indonesia dan asing sehinggakan Perdana Menteri sentiasa diekori dan disuluh lampu kamera televisyen.

Antara tumpuan isu utama ketika itu ialah pertemuannya dengan Perdana Menteri Australia, Paul Keating, yang sebelum itu menggelarkan Dr Mahathir sebagai `keras kepala'.

Bukan itu saja, malah kesediaan Dr Mahathir menyuarakan pandangannya secara terbuka, menyebabkannya menjadi buruan wartawan selain memberikan `good quotes' atau petikan bernas kepada mereka.

(END)